

Harumkan nama negara di UK

Produk hasil cetusan pelajar Usim berjaya raih tiga pingat dalam pertandingan inovasi antarabangsa

■ SARINAH MAT KASIM

NILAI – Universiti Sains Islam Antarabangsa (Usim) berjaya meraih tiga pingat dalam pertandingan inovasi antarabangsa di British Invention Show (BIS) London, yang berlangsung minggu lalu di Barbican Exhibition Centre, United Kingdom.

Dua kumpulan penuntut Usim itu berjaya membawa pulang dua emas dan satu perak bagi produk dicipta sendiri pelajar, hasil kerjasama penasihat masing-masing.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Dr Mustafa Mohd Hanefah berkata, bagi kumpulan Membran, mereka berjaya meraih dua emas bagi Anugerah Ciptaan Terbaik dan Anugerah Khas Pingat Emas Berganda bagi produk ciptaan membran jenis baru, iaitu filem separa telap

atau penapis untuk sesuatu bahan bagi industri kimia.

Manakala, katanya, pingat perak pula bagi produk makanan berserat tinggi yang diberi nama Crushy Snack Bar.

"Kita bangga dengan kejayaan diterima, sekali gus membuktikan penuntut Usim benar-benar berkualiti selain mempunyai daya saing dan kreatif dalam menghasilkan produk inovasi baru.

"Bukan senang untuk kita bersaing dalam BIS ini memandangkan ia adalah sebuah pertandingan sangat berprestij dan bertaraf dunia apabila lebih 10 negara dan 120 produk dipertandingkan," katanya pada sidang media mengenai kejayaan pelajar berkenaan di Bangunan Canselori, di sini kelmarin.

Turut serta, penasihat-penasihat kumpulan, Dr Abdul Rahman

Hassan, Prof Dr Alina Abdul Rahim serta peserta yang menyertai BIS, Riza Asma'a Shaari, Siti Nurhafiz Asyren Abu Bakar, Nur Hidayah Hassan, Muzammer mansor dan Nur Hanisah Hamidin.

Sementara itu, Mustafa berkata, kumpulan Membran juga berjaya menerima anugerah khas yang dikurniakan Romania sebagai pengiktirafan negara itu terhadap produk dihasilkan pelajar berkenaan dalam Romania Inventor Forum.

BIS adalah anjuran British Inventors Society dan disokong Intellectual Property Office, Boots Centre for Innovation dan Procter & Gamble, berpangkalan di United Kingdom, berperanan mencungkil pelbagai jenis ciptaan yang mampu menjana peluang perniagaan melalui pelbagai jenis inovasi serta pameran ciptaan.



Kumpulan yang mencipta produk ANF Membran yang berjaya meraih dua pingat emas.